

Kertas Statut 15 Tahun 2023

MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT/NEGARA MENURUT STATUT

P.U. (A) 265.

AKTA EKSTRADISI 1992

PERINTAH EKSTRADISI (ROMANIA) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2(1) Akta Ekstradisi 1992 [Akta 479], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Ekstradisi (Romania) 2022**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 21 Triti.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, “Triti” ertinya Triti antara Kerajaan Malaysia dengan Romania mengenai Ekstradisi yang ditandatangani di Kuala Lumpur, Malaysia pada 6 Disember 2021 yang menurutnya suatu perkiraan telah dibuat antara Kerajaan Malaysia dengan Romania mengenai ekstradisi penjenayah buruan mengikut Triti.

Pemakaian Akta bagi Romania

3. Bagi maksud Triti, Akta Ekstradisi 1992 hendaklah terpakai bagi Romania.

Rangkuman Triti dalam Perintah

4. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

JADUAL
[Perenggan 4]

**TRITI
ANTARA
KERAJAAN MALAYSIA
DENGAN
ROMANIA
MENGENAI EKSTRADISI**

Kerajaan Malaysia dan Romania (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”);

Berhasrat untuk mengukuhkan hubungan baik antara kedua-dua negara;

Mengiktiraf keperluan untuk mengadakan kerjasama yang lebih berkesan antara kedua-dua negara dalam menumpaskan jenayah;

TELAH BERSETUJU seperti yang berikut:

PERKARA 1

OBLIGASI UNTUK MENGEKSTRADISIKAN

Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini dan tertakluk kepada undang-undang domestik masing-masing, mengekstradisikan kepada satu sama lain mana-mana orang yang dituduh atau disabitkan di Pihak yang Meminta bagi suatu kesalahan boleh ekstradisi.

PERKARA 2

KESALAHAN BOLEH EKSTRADISI

1. Suatu kesalahan hendaklah menjadi kesalahan boleh ekstradisi jika ia boleh dihukum di bawah undang-undang kedua-dua Pihak dengan pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada satu (1) tahun, atau dengan suatu penalti yang lebih berat.
2. Suatu kesalahan hendaklah juga menjadi kesalahan boleh ekstradisi jika ia terdiri daripada suatu percubaan atau komplot untuk melakukan, membantu atau bersubahat, apa-apa kesalahan yang diperihalkan dalam perenggan 1 dan boleh dihukum di bawah undang-undang kedua-dua Pihak dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu (1) tahun, atau dengan suatu penalti yang lebih berat.

3. Jika permintaan bagi ekstradisi itu berhubung dengan seseorang yang dihukum dengan pemenjaraan oleh mahkamah Pihak yang Meminta bagi apa-apa kesalahan boleh ekstradisi, ekstradisi hanya boleh diberikan jika suatu tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun hukuman pemenjaraan itu masih belum dijalani.
4. Bagi maksud Perkara ini, dalam menentukan sama ada sesuatu kesalahan ialah kesalahan yang boleh dihukum di bawah undang-undang kedua-dua Pihak, adalah menjadi perkara yang tidak penting sama ada:
 - (a) undang-undang Pihak-Pihak menetapkan perbuatan atau peninggalan yang menjadi kesalahan itu dalam kategori kesalahan yang sama atau memperihalkan kesalahan itu dengan istilah yang sama; atau
 - (b) di bawah undang-undang Pihak-Pihak elemen kesalahan itu berbeza, ia difahami bahawa keseluruhan perbuatan atau peninggalan sebagaimana yang dikemukakan oleh Pihak yang Meminta menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang Pihak yang Diminta.
5. Jika ekstradisi seseorang dikehendaki bagi suatu kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan pencukaaian, duti kastam, kawalan pertukaran wang asing atau perkara mengenai hasil lain ekstradisi tidak boleh ditolak atas alasan bahawa undang-undang Pihak yang Diminta tidak mengenakan jenis cukai atau duti yang sama atau tidak mengandungi peraturan-peraturan cukai, duti, kastam, atau pertukaran yang sama jenis dengan undang-undang Pihak yang Meminta dengan syarat bahawa perbuatan atau peninggalan yang baginya ekstradisi diminta ialah suatu kesalahan dalam wilayah Pihak yang Diminta.
6. Jika kesalahan itu telah dilakukan di luar wilayah Pihak yang Meminta, ekstradisi hendaklah diberikan jika undang-undang Pihak yang Diminta memperuntukkan hukuman bagi kesalahan yang dilakukan di luar wilayahnya dalam hal keadaan yang seumpamanya, dan jika kehendak ekstradisi di bawah Triti ini dan undang-undang domestiknya yang lain dipenuhi. Jika undang-undang Pihak yang Diminta tidak memperuntukkan sedemikian, Pihak yang Diminta boleh, menurut budi bicaranya, menolak ekstradisi.
7. Ekstradisi boleh diberikan menurut peruntukan Triti ini tanpa mengira bila kesalahan yang baginya ekstradisi diminta dilakukan, dengan syarat bahawa:
 - (a) ia suatu kesalahan di Pihak yang Meminta pada masa perbuatan atau peninggalan itu menjadi kesalahan; dan
 - (b) perbuatan atau peninggalan yang dikatakan sepatutnya akan, jika perbuatan atau peninggalan itu telah dilakukan dalam wilayah Pihak yang Diminta pada masa menerima permintaan bagi ekstradisi, menjadi suatu kesalahan terhadap undang-undang yang berkuat kuasa di Pihak itu.

PERKARA 3**ALASAN PENOLAKAN EKSTRADISI**

1. Tertakluk kepada undang-undang domestiknya, ekstradisi tidak boleh diberikan oleh Pihak yang Diminta dalam mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) jika Pihak yang Diminta menentukan bahawa kesalahan yang baginya ekstradisi diminta ialah suatu kesalahan bersifat politik. Sebutan bagi suatu kesalahan yang bersifat politik tidak termasuk kesalahan yang berikut:
 - (i) pembunuhan atau jenayah sengaja yang lain terhadap diri Ketua Negara, atau anggota keluarga terdekat Ketua Negara itu;
 - (ii) suatu kesalahan yang berkenaan dengannya Pihak-Pihak mempunyai obligasi atau akan menanggung obligasi menurut perjanjian antarabangsa pelbagai hala yang kedua-dua Pihak adalah negara pihak, untuk mengekstradisikan orang yang dikehendaki itu atau untuk mengemukakan kes itu kepada pihak berkuasa berwajibnya bagi keputusan tentang pendakwaan;
 - (iii) suatu percubaan, persubahatan untuk melakukan, membantu atau komplot untuk melakukan atau mengambil bahagian dalam apa-apa kesalahan sedemikian sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (i) dan (ii);
 - (iv) genosid, jenayah perang, jenayah terhadap keamanan dan manusia;
- (b) apabila Pihak yang Diminta mempunyai alasan yang matan untuk mempercayai bahawa permintaan bagi ekstradisi itu telah dikemukakan dengan tujuan untuk mendakwa atau menghukum orang yang dikehendaki, atas alasan ras, keturunan etnik, jantina, agama, kerakyatan atau pendapat politik, atau bahawa kedudukan orang itu mungkin terjejas atas mana-mana sebab itu;
- (c) jika kesalahan yang baginya ekstradisi diminta diambil kira oleh Pihak yang Diminta sebagai suatu kesalahan di bawah undang-undang tentera, tetapi bukan suatu kesalahan di bawah undang-undang jenayah biasa Pihak yang Diminta;
- (d) jika, berkenaan dengan kesalahan yang baginya ekstradisi orang itu diminta:
 - (i) orang itu telah dibebaskan atau diberi pengampunan atau dilepaskan daripada tanggungjawab jenayah atau daripada pelaksanaan suatu hukuman di bawah undang-undang Pihak yang Diminta;

- (ii) orang itu telah menjalani hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta;
 - (iii) orang itu telah disabitkan di bawah undang-undang Pihak yang Diminta; atau
 - (iv) pendakwaan atau hukuman bagi kesalahan yang baginya ekstradisi diminta akan terhalang atas sebab yang ditetapkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta yang berhubungan dengan statut had masa;
- (e) jika orang itu, setelah diekstradisikan kepada Pihak yang Meminta, boleh dibicarakan atau dihukum di Pihak itu oleh mahkamah atau tribunal yang telah ditubuhkan secara khusus bagi maksud membicarakan kes orang itu; atau
- (f) jika ia boleh menyebabkan Pihak yang Diminta melanggar obligasinya di bawah triti antarabangsa.
2. Jika kesalahan yang baginya ekstradisi diminta di bawah Triti ini boleh dihukum dengan hukuman mati mengikut undang-undang Pihak yang Meminta dan tidak boleh dihukum sedemikian di bawah undang-undang Pihak yang Diminta, tiada permintaan bagi ekstradisi boleh dikemukakan tanpa rundingan dan persetujuan terlebih dahulu oleh kedua-dua Pihak untuk membuat permintaan itu. Dalam hal yang sedemikian, ekstradisi boleh ditolak melainkan jika Pihak yang Meminta memberikan jaminan yang dianggap oleh Pihak yang Diminta sebagai mencukupi bahawa hukuman mati tidak akan dilaksanakan.
3. Ekstradisi boleh ditolak di bawah Triti ini dalam mana-mana hal keadaan yang berikut:
- (a) jika orang yang ekstradisinya diminta ialah rakyat Pihak yang Diminta atau seorang yang dikecualikan daripada ekstradisi mengikut undang-undang domestik Pihak yang Diminta;
 - (b) apabila kesalahan yang baginya ekstradisi diminta diambil kira sebagai suatu kesalahan yang Pihak yang Diminta mempunyai bidang kuasa terhadapnya.
4. Jika ekstradisi ditolak menurut perenggan 3(a) dan (b), Pihak yang Diminta hendaklah mengemukakan kes itu kepada pihak berkuasa berwajibnya mengikut undang-undang domestiknya, dengan tujuan supaya tindakan diambil terhadap orang yang dikehendaki itu di bawah undang-undang Pihak yang Diminta, selepas rundingan terlebih dahulu dan tertakluk kepada persetujuan Pihak yang Meminta.

PERKARA 4**PENYERAHAN SEMENTARA DAN TERTUNDA**

1. Pihak yang Diminta boleh menangguhkan penyerahan seseorang untuk mengambil tindakan terhadap orang itu, atau supaya orang itu boleh menjalani hukuman, bagi suatu kesalahan selain kesalahan yang terdiri daripada perbuatan atau peninggalan yang baginya ekstradisi diminta. Dalam hal sedemikian Pihak yang Diminta hendaklah menasihati Pihak yang Meminta dengan sewajarnya.
2. Apabila orang itu sedang menjalani hukuman di wilayah Pihak yang Diminta bagi suatu kesalahan selain kesalahan yang terdiri daripada perbuatan atau peninggalan yang baginya ekstradisi diminta, Pihak yang Diminta boleh menyerahkan secara sementara orang itu kepada Pihak yang Meminta untuk didakwa bagi suatu kesalahan yang baginya ekstradisi diminta. Orang yang diserahkan itu hendaklah ditahan dalam jagaan Pihak yang Meminta dan hendaklah dikembalikan kepada Pihak yang Diminta selepas prosiding terhadap orang itu selesai, mengikut syarat-syarat bertulis yang ditentukan secara bersama oleh Pihak-Pihak.

PERKARA 5**TATACARA EKSTRADISI DAN DOKUMEN YANG DIKEHENDAKI**

1. Suatu permintaan bagi ekstradisi hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui saluran diplomatik. Suatu permintaan daripada Kerajaan Malaysia kepada Romania hendaklah dihantar kepada Kementerian Kehakiman. Suatu permintaan daripada Romania kepada Kerajaan Malaysia hendaklah dihantar kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi penjenayah buruan.
2. Bagi komunikasi yang kemudiannya, pihak berkuasa yang berkaitan hendaklah berkomunikasi secara langsung antara satu sama lain, tetapi boleh, jika mereka memilih sedemikian, berkomunikasi melalui saluran diplomatik.
3. Permintaan bagi ekstradisi hendaklah disertakan dengan:
 - (a) butir-butir yang perlu untuk menentukan identiti dan kerakyatan orang yang dikehendaki termasuk, apabila boleh, gambar dan cap jari dan pernyataan mengenai lokasi semasa orang itu, jika diketahui;
 - (b) pernyataan bagi setiap kesalahan yang baginya ekstradisi diminta;
 - (c) pernyataan bagi fakta kesalahan itu;
 - (d) sejarah tatacara kes itu;
 - (e) teks undang-undang yang mewujudkan setiap kesalahan;

- (f) teks undang-undang yang memperihalkan penalti yang boleh dikenakan;
 - (g) pernyataan tentang sama ada terdapat apa-apa batasan had masa berkenaan dengan pendakwaan.
4. Jika orang itu dituduh atas suatu kesalahan, permintaan bagi ekstradisi hendaklah disertakan dengan waran bagi penangkapan orang itu dan dokumen pertuduhan, atau suatu salinan dokumen pertuduhan itu.
5. Jika orang itu telah disabitkan atas suatu kesalahan dan hukuman telah dikenakan, permintaan bagi ekstradisi hendaklah disertakan dengan:
- (a) dokumen yang mengandungi keterangan bagi sabitan itu; dan
 - (b) dokumen yang mengandungi keterangan mengenai hukuman yang dikenakan dan tarikh yang hukuman itu belum dijalankan.
6. Jika orang itu telah disabitkan atas suatu kesalahan dan tiada hukuman dikenakan, permintaan bagi ekstradisi hendaklah disertakan dengan dokumen yang mengandungi keterangan bagi sabitan itu.
7. Kedua-dua Pihak tidak boleh menghendaki, sebagai suatu syarat untuk mengekstradisikan menurut Triti ini supaya Pihak yang satu lagi membuktikan kes *prima facie* terhadap orang yang dikehendaki itu.

PERKARA 6

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Jika Pihak yang Diminta berpendapat bahawa maklumat yang diberikan untuk menyokong suatu permintaan bagi ekstradisi tidak mencukupi di bawah undang-undang domestiknya dan Triti ini untuk membolehkan suatu ekstradisi diberikan, Pihak itu boleh meminta supaya maklumat tambahan diberikan dalam masa yang dinyatakan olehnya. Pihak yang Diminta boleh menetapkan suatu had masa bagi pengemukaan maklumat itu, dan boleh memberikan suatu lanjutan had masa yang munasabah atas permohonan Pihak yang Meminta yang menyatakan sebab bagi pelanjutan itu.
2. Jika orang yang dikehendaki itu berada dalam jagaan dan dokumen tambahan yang dikemukakan tidak mencukupi, atau jika dokumen itu tidak diterima dalam tempoh yang dinyatakan oleh Pihak yang Diminta, orang itu boleh dilepaskan daripada jagaan. Pelepasan itu tidaklah menjejaskan penangkapan semula dan ekstradisi orang itu jika dokumen tambahan diterima kemudiannya.
3. Apabila orang itu dilepaskan daripada jagaan mengikut perenggan 2, Pihak yang Diminta hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta secepat yang dapat dilaksanakan.

PERKARA 7**TERJEMAHAN**

Semua dokumen yang dikemukakan oleh Pihak yang Meminta hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris melainkan jika kehendak ini diketepikan oleh Pihak yang Diminta.

PERKARA 8**KEBOLEHTERIMAAN DOKUMEN**

1. Suatu dokumen yang, mengikut Perkara 5, disertakan dengan permintaan bagi ekstradisi hendaklah diterima sebagai keterangan, jika disahkan, dalam mana-mana prosiding ekstradisi dalam wilayah Pihak yang Diminta.
2. Suatu dokumen disahkan bagi maksud Triti ini jika:
 - (a) dalam hal suatu waran penangkapan dengan ditandatangani oleh hakim, majistret, atau pihak berkuasa berwibawa lain Pihak yang Meminta;
 - (b) dalam hal apa-apa dokumen lain dengan diperakui oleh hakim, majistret, atau pihak berkuasa berwibawa lain Pihak yang Meminta sebagai salinan asal atau sebagai salinan benar daripada yang asal, mengikut kehendak keadaan; atau
 - (c) dalam hal dokumen yang mengandungi keterangan bagi sabitan dengan diperakui oleh hakim, majistret, atau pihak berkuasa berwibawa lain Pihak yang Meminta,

dan disahkan sama ada dengan sumpah seseorang saksi atau dengan dimeterai dengan meterai rasmi pihak berkuasa berwibawa Pihak yang Meminta.

PERKARA 9**PENANGKAPAN SEMENTARA**

1. Dalam hal yang memerlukan tindakan segera, suatu Pihak boleh meminta penangkapan sementara orang yang dikehendaki sementara menunggu pengemukaan permintaan bagi ekstradisi.
2. Permintaan bagi penangkapan sementara hendaklah dibuat secara bertulis atau, jika boleh, melalui apa-apa cara yang boleh menghasilkan suatu rekod bertulis dan dihantar secara langsung antara Jabatan Peguam Negara Malaysia dengan Kementerian Kehakiman Romania.
3. Permintaan bagi penangkapan sementara hendaklah mengandungi:
 - (a) perihalan mengenai orang yang dikehendaki, termasuk, jika boleh, gambar atau cap jari;

- (b) lokasi orang yang dikehendaki, jika diketahui;
 - (c) pernyataan atau perihalan bagi kesalahan yang dikatakan telah dilakukan oleh orang itu, atau yang orang itu telah disabitkan, termasuk peruntukan undang-undang mengenai statut had masa;
 - (d) suatu pernyataan yang ringkas dan padat mengenai fakta kes itu, termasuk suatu pernyataan mengenai perbuatan atau peninggalan yang dikatakan menjadi setiap kesalahan dan, jika boleh, masa dan lokasi setiap kesalahan itu;
 - (e) suatu salinan waran penangkapan, dokumen pertuduhan atau suatu pernyataan mengenai dapatan salah atau penghakiman mengenai sabitan terhadap orang yang dikehendaki itu;
 - (f) suatu pernyataan mengenai hukuman yang boleh, atau telah, dikenakan bagi kesalahan itu; dan
 - (g) suatu pernyataan bahawa suatu permintaan bagi ekstradisi orang yang dikehendaki itu akan menyusul.
4. Apabila permintaan bagi penangkapan sementara diterima, Pihak yang Diminta hendaklah berusaha sebaiknya untuk memastikan penangkapan orang yang dikehendaki itu. Pihak yang Meminta hendaklah diberitahu dengan segera keputusan permintaannya dan sebab bagi apa-apa penafian.
5. Seseorang yang ditangkap di bawah permintaan bagi penangkapan sementara hendaklah dilepaskan apabila habis tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh penangkapan sementara orang itu jika suatu permintaan bagi ekstradisi, yang disokong dengan dokumen yang dinyatakan dalam Perkara 5, belum diterima.
6. Pelepasan seseorang itu menurut perenggan 5 tidak menghalang pemulaan prosiding untuk mengekstradisikan orang yang dikehendaki itu jika permintaan ekstradisi diterima kemudiannya.

PERKARA 10

PENEPIAN PROSIDING EKSTRADISI

1. Jika orang yang dikehendaki itu bersetuju untuk kembali kepada Pihak yang Meminta dan selepas dinasihatkan sendiri oleh pihak berkuasa kehakiman yang berwajib tentang kesan persetujuan itu di bawah undang-undang Pihak yang Diminta, juga bersetuju kepada penepian itu dan jika dibenarkan sedemikian oleh undang-undang Pihak yang Diminta, Pihak yang Diminta itu boleh menyerahkannya tanpa prosiding selanjutnya.
2. Penyerahan menurut Perkara ini hendaklah tertakluk kepada Perkara 13, 14 dan 15.

PERKARA 11**PERMINTAAN BERSAING**

1. Jika Pihak yang Diminta menerima permintaan daripada lebih daripada satu Negara bagi ekstradisi orang yang sama, sama ada bagi kesalahan yang sama atau bagi suatu kesalahan yang berlainan, Pihak yang Diminta hendaklah menentukan ke Negara mana antara Negara-Negara itu orang itu akan diekstradisikan dan hendaklah memberitahu Negara-Negara itu mengenai keputusannya.
2. Dalam membuat keputusannya, Pihak yang Diminta hendaklah mempertimbangkan segala faktor yang berkaitan, termasuk:
 - (a) sama ada permintaan itu dibuat menurut mana-mana triti;
 - (b) kerakyatan orang yang dikehendaki;
 - (c) graviti kesalahan itu;
 - (d) urutan permintaan itu diterima daripada Pihak-Pihak yang Meminta;
 - (e) kepentingan Pihak-Pihak yang Meminta masing-masing;
 - (f) kerakyatan mangsa;
 - (g) tempat tinggal biasa orang itu;
 - (h) kemungkinan adanya ekstradisi selanjutnya antara Pihak-Pihak yang Meminta; atau
 - (i) masa dan tempat pelakuan setiap kesalahan.

3. Jika Romania menerima suatu permintaan bagi ekstradisi daripada Kerajaan Malaysia dan suatu permintaan bagi penyerahan berdasarkan Waran Penangkapan Eropah tentang orang yang sama, sama ada bagi kesalahan yang sama atau bagi kesalahan yang berlainan, pihak berkuasa kehakiman yang berwajibanya, atau mana-mana pihak berkuasa lain yang boleh ditetapkan kemudiannya hendaklah menentukan ke Negara mana untuk diekstradisikan atau, mengikut kesesuaian, diserahkan orang itu.

PERKARA 12**KEPUTUSAN DAN PENYERAHAN**

1. Pihak yang Diminta hendaklah, sebaik sahaja suatu keputusan mengenai permintaan bagi ekstradisi dibuat, memberitahu keputusan itu kepada Pihak yang Meminta.
2. Jika permintaan itu dinafikan keseluruhan atau sebahagiannya, Pihak yang Diminta hendaklah memberi penjelasan mengenai sebab bagi penafian itu. Pihak yang Diminta boleh memberikan salinan keputusan penghakiman yang berkaitan tentang kes itu apabila diminta.

3. Pihak yang Meminta hendaklah membawa keluar orang itu dari wilayah Pihak yang Diminta dalam tempoh yang munasabah sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak yang Diminta dan, jika orang itu tidak dibawa keluar dalam tempoh itu, Pihak yang Diminta boleh melepaskan orang itu dan boleh menolak ekstradisi bagi kesalahan yang sama.
4. Jika hal keadaan di luar kawalannya menghalang sesuatu Pihak daripada menyerahkan atau membawa keluar orang yang hendak diekstradisikan, Pihak itu hendaklah memberitahu Pihak yang satu lagi. Dalam hal itu, Pihak-Pihak hendaklah bersetuju mengenai suatu tarikh baharu bagi penyerahan, dan peruntukan perenggan 3 hendaklah terpakai.

PERKARA 13

PENYITAAN DAN PENYERAHAN HARTA

1. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undangnya, Pihak yang Diminta boleh menyita dan menyerahkan kepada Pihak yang Meminta apa-apa harta yang didapati dalam milikan orang yang dikehendaki pada masa penangkapannya yang mungkin material sebagai keterangan dalam membuktikan kesalahan ekstradisi yang berkenaan dengannya ekstradisi itu diberikan.
2. Tertakluk kepada perenggan 1, harta yang tersebut di atas boleh, jika Pihak yang Meminta itu meminta sedemikian, diserahkan kepada Pihak yang Meminta walaupun ekstradisi itu tidak boleh dilaksanakan atas sebab orang yang dikehendaki itu mati, hilang atau melarikan diri.
3. Pihak yang Diminta boleh mengenakan syarat bagi penyerahan harta itu atas jaminan yang memuaskan hati daripada Pihak yang Meminta bahawa harta itu akan dikembalikan kepada Pihak yang Diminta secepat yang dapat dilaksanakan. Pihak yang Diminta boleh juga menunda penyerahan harta itu jika harta itu diperlukan sebagai keterangan oleh Pihak yang Diminta.
4. Pihak yang Meminta hendaklah menanggung kos untuk mengembalikan apa-apa harta yang diserahkan.
5. Hak pihak ketiga dalam harta yang diserahkan itu hendaklah dihormati dengan sewajarnya.

PERKARA 14

PRINSIP KEISTIMEWAAN

1. Seseorang yang telah diekstradisikan di bawah Triti ini tidak boleh ditahan, dibicarakan atau dihukum atau yang tertakluk kepada apa-apa sekatan kebebasan diri yang lain di wilayah Pihak yang Meminta bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan sebelum ekstradisi selain:
 - (a) suatu kesalahan yang baginya ekstradisi telah diberikan;
 - (b) apa-apa kesalahan lebih ringan atau kesalahan boleh ekstradisi yang telah dibuktikan oleh fakta yang menjadi alasan bagi ekstradisi yang mula-mula disebut;

- (c) apa-apa kesalahan boleh ekstradisi lain yang berkenaannya Pihak yang Diminta bersetuju. Bagi maksud ini, dan mengikut undang-undang domestik Pihak-Pihak, pihak berkuasa berwibawa Pihak yang Meminta boleh menghantar kepada Pihak yang Diminta suatu permintaan berserta dengan dokumen yang disebut dalam Perkara 5 dan suatu rekod pernyataan yang dibuat oleh orang yang diekstradisikan itu.

2. Perenggan 1 tidak terpakai jika orang itu mempunyai peluang untuk meninggalkan Pihak yang Meminta dan tidak berbuat demikian dalam masa empat puluh lima (45) hari daripada pelepasan muktamad berkenaan dengan kesalahan yang baginya orang itu diekstradisikan atau jika orang itu telah kembali ke wilayah Pihak yang Meminta selepas meninggalkannya.

PERKARA 15

PENYERAHAN KEPADA NEGARA KETIGA DAN PENYERAHAN SEMULA

1. Seseorang yang telah diekstradisikan di bawah Triti ini tidak boleh diekstradisikan semula oleh Pihak yang Meminta kepada suatu Negara ketiga bagi pendakwaan, perbicaraan atau penghukuman bagi apa-apa kesalahan ekstradisi yang dilakukan sebelum ekstradisinya kepada Pihak yang Meminta melainkan jika Pihak yang Diminta bersetuju dengan penyerahan itu.

2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Meminta, seseorang yang telah diekstradisikan di bawah Triti ini tidak boleh diserahkan semula oleh Pihak yang Meminta kepada suatu tribunal antarabangsa yang ditubuhkan mengikut suatu konvensyen antarabangsa pelbagai hala yang terpakai bagi Pihak yang Meminta bagi perbicaraan atau penghukuman bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan sebelum ekstradisinya kepada Pihak yang Meminta melainkan jika:

- (a) Pihak yang Diminta bersetuju dengan penyerahan itu; dan
- (b) jika di bawah konvensyen itu, persetujuan Negara yang lain dikehendaki, Negara itu bersetuju.

3. Perenggan 1 atau 2 tidak menghalang ekstradisi semula atau penyerahan semula seseorang yang diekstradisikan kepada Negara ketiga atau tribunal antarabangsa yang berkaitan yang ditubuhkan mengikut suatu konvensyen antarabangsa pelbagai hala yang terpakai bagi Pihak yang Meminta jika:

- (a) orang itu meninggalkan wilayah Pihak yang Meminta selepas ekstradisi itu dan secara suka rela kembali kepadanya; atau
- (b) orang itu tidak meninggalkan wilayah Pihak yang Meminta dalam masa empat puluh lima (45) hari dari hari orang itu bebas untuk pergi.

Bagi maksud perenggan 1 dan subperenggan 2(a), suatu Pihak yang persetujuannya diminta boleh menghendaki pengemukaan apa-apa dokumen atau pernyataan yang disebut dalam Perkara 5 dan suatu rekod pernyataan yang orang yang dikehendaki itu menyatakan pendapatnya berkenaan dengan ekstradisi semula atau penyerahan semula.

PERKARA 16**TRANSIT**

1. Salah satu Pihak boleh membenarkan transit melalui wilayahnya seseorang yang diserahkan kepada Pihak yang satu lagi oleh Negara ketiga.
2. Suatu permintaan bagi transit hendaklah dibuat secara bertulis atau, jika boleh, melalui apa-apa cara yang boleh menghasilkan suatu rekod bertulis dan dihantar secara langsung antara Jabatan Peguam Negara Malaysia dengan Kementerian Kehakiman Romania atau melalui Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa (INTERPOL). Permintaan bagi transit itu hendaklah termasuk perihalan orang yang diangkut dan pernyataan ringkas mengenai fakta kes itu. Seseorang yang berada dalam transit boleh ditahan dalam jagaan sepanjang transit itu.
3. Tiada kebenaran dikehendaki jika pengangkutan udara digunakan dan tiada pendaratan dijadualkan di kawasan suatu Pihak. Jika berlaku suatu pendaratan yang tidak dijadualkan di kawasan suatu Pihak, Pihak itu boleh menghendaki Pihak yang satu lagi untuk membuat permintaan bagi transit sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 2. Pihak itu boleh menahan orang yang akan diangkut sehingga permintaan bagi transit diterima dan transit itu dilaksanakan, selagi permintaan bagi transit itu diterima dalam masa sembilan puluh enam (96) jam dari pendaratan yang tidak dijadualkan itu.

PERKARA 17**REPRESENTASI DAN PERBELANJAAN**

1. Pihak yang Diminta hendaklah menasihati, membantu, hadir di mahkamah bagi pihak Pihak yang Meminta, dan mewakili kepentingan Pihak yang Meminta, atau dengan cara lain membuat perkiraan yang perlu bagi representasi guaman Pihak yang Meminta, dalam apa-apa prosiding yang berbangkit daripada suatu permintaan bagi ekstradisi.
2. Pihak yang Meminta hendaklah menanggung perbelanjaan berhubung dengan penterjemahan, pentafsiran dan pentranskripsian dokumen yang diberikan untuk menyokong suatu permintaan ekstradisi di bawah Triti ini dan pengangkutan orang yang diserahkan. Pihak yang Diminta hendaklah membayar segala perbelanjaan lain yang dilakukan oleh Pihak itu disebabkan oleh prosiding ekstradisi itu termasuk perbelanjaan yang dilakukan di dalam wilayahnya semasa penangkapan dan penahanan orang yang ekstradisinya diminta sehingga orang itu diserahkan kepada orang yang dinamakan oleh Pihak yang Meminta.
3. Walau apa pun perenggan 2, sekiranya perbelanjaan dilakukan oleh Pihak yang Diminta disebabkan oleh permintaan itu adalah bersifat substansial atau luar biasa, Pihak-Pihak hendaklah berunding untuk menentukan cara kos itu hendak ditanggung.
4. Kedua-dua Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan wang terhadap Pihak yang satu lagi yang berbangkit daripada penangkapan, penahanan, pemeriksaan atau penyerahan orang yang dikehendaki di bawah Triti ini.

PERKARA 18
PERUNDINGAN

1. Bagi maksud menggalakkan penggunaan yang paling berkesan Triti ini, Pihak-Pihak hendaklah berunding, pada masa yang dipersetujui bersama oleh mereka, berkenaan dengan pentafsiran, pemakaian atau pelaksanaan Triti ini sama ada secara am atau berhubung dengan sesuatu kes tertentu.
2. Pihak-Pihak boleh memajukan apa-apa langkah praktikal yang didapati perlu untuk memudahkan pelaksanaan Triti ini.

PERKARA 19
PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Apa-apa perbezaan atau pertikaian antara Pihak-Pihak yang berbangkit daripada pentafsiran atau pelaksanaan peruntukan Triti ini hendaklah diselesaikan secara baik melalui rundingan atau runding bicara antara Pihak-Pihak melalui saluran diplomatik tanpa merujuk kepada mana-mana pihak ketiga atau tribunal antarabangsa.

PERKARA 20
OBLIGASI DI BAWAH KONVENSYEN/TRITI ANTARABANGSA

1. Triti ini tidak menjejaskan hak dan obligasi Pihak-Pihak yang berbangkit daripada konvensyen/triti antarabangsa yang mereka menjadi pihak-pihak.
2. Bagi Romania, Triti ini tidak menjejaskan hak dan obligasi yang diterima sebagai suatu Negara Anggota Kesatuan Eropah.

PERKARA 21
PERUNTUKAN MUKTAMAD

1. Triti ini hendaklah mula berkuat kuasa selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan terakhir melalui saluran diplomatik mengenai penyelesaian tatacara dalaman yang perlu bagi permulaan kuat kuasanya.
2. Triti ini boleh dipinda melalui persetujuan bertulis bersama Pihak-Pihak. Pindaan hendaklah berkuat kuasa mengikut tatacara yang sama yang ditetapkan di bawah perenggan 1.
3. Salah satu Pihak boleh menamatkan Triti ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis kepada Pihak yang satu lagi. Penamatan itu hendaklah berkuat kuasa enam (6) bulan selepas tarikh penerimaan notis itu.
4. Penamatan Triti ini tidak menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau berdasarkan Triti ini dan penyelesaian apa-apa permintaan yang dibuat menurut Triti ini sebelum atau sehingga tarikh penamatan itu.

PADA MENYAKSIKANNYA HAL DI ATAS, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa sewajarnya, telah menandatangani Triti ini.

DIBUAT dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada 6 hari bulan Disember 2021 dalam bahasa Melayu, Romania dan Inggeris, setiap teks sama sahinya. Dalam hal apa-apa perbezaan dalam pentafsiran, teks bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

BAGI PIHAK KERAJAAN MALAYSIA

BAGI PIHAK ROMANIA

Dibuat 15 Ogos 2022

[KDN.K.S.800-6/2/5 (18); PN(PU2)512/III]

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
Menteri Dalam Negeri

EXTRADITION ACT 1992

EXTRADITION (ROMANIA) ORDER 2022

In exercise of the powers conferred by subsection 2(1) of the Extradition Act 1992 [Act 479], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Extradition (Romania) Order 2022**.

(2) This Order comes into operation in accordance with Article 21 of the Treaty.

Interpretation

2. In this Order, "Treaty" means the Treaty between the Government of Malaysia and Romania on Extradition signed in Kuala Lumpur, Malaysia on 6 December 2021 whereby an arrangement has been made between the Government of Malaysia and Romania on extradition of fugitive criminals in accordance with the Treaty.

Application of Act to Romania

3. For the purposes of the Treaty, the Extradition Act 1992 shall apply to Romania.

